

**DATO' HJ. NORZAM B. MOHD NOR**  
**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**  
Pejabat Kewangan Negeri,  
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,  
70503 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)  
06 - 7659961  
No. Faks: 06 - 7636352  
Emel : ybpkwn@sukns.gov.my

Fail Kami : P.Kw.N/NS(334)600/4 Klt.4(23)  
Tarikh 24 Rejab 1427H  
18 Ogos 2006

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI**  
**SEMUA YDP MAJLIS PERBANDARAN / MAJLIS DAERAH**  
**KETUA BADAN BERKANUN NEGERI**

Tuan/Puan,

**AP 87 (b)-PULANG BALIK DAN AP 328-KERUGIAN YANG DISEBABKAN  
OLEH HUTANG DAN TUNGGAKAN HASIL YANG TIDAK BOLEH  
DIDAPATKAN (HAPUSKIRA)**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan **AP 87 (b)** telah dipinda melalui **Surat Pekeliling  
Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1994** seperti berikut:-

*'Apa-apa pulangan balik yang lain sehingga ke amaun  
RM5,000.00 adalah memerlukan kebenaran Pegawai Pengawal  
dan bagi amaun melebihi RM5,000.00 memerlukan kebenaran  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan  
Negeri.'*

3. Manakala **AP 328** mengenai kerugian yang disebabkan oleh hutang dan  
tunggakan hasil yang tidak boleh didapatkan (hapuskira) hendaklah dirujuk  
bersama **Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1990, Para 7** seperti  
berikut:-

*'Menteri Kewangan telah mewakilkan kuasa kepada Pegawai  
Pengawal untuk menghapuskira apa-apa hutang lapuk atau akaun  
belum terima yang tidak boleh didapatkan balik berjumlah  
RM1,000.00 atau kurang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.'*

4. Bagi **Jabatan Negeri**, disebabkan Pusat Tanggungjawab tidak  
mempunyai kod objek 51000 mengenai pulang balik dan hapuskira, maka,  
semua yang berkaitan dengan pulang balik hasil dan hapuskira tanpa  
mengira amaunnya mestilah mendapat kelulusan **YB. Pegawai Kewangan  
Negeri**. Pelarasan akaun akan dilakukan oleh Pejabat Kewangan Negeri, Negeri  
Sembilan.

5. Bagi **Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Badan Berkanun Negeri** adalah seperti berikut:-

- 5.1 Pegawai Pengawal boleh **meluluskan** apa-apa pulangan balik sehingga ke amaun **RM5,000.00** dan bagi hapuskira, Pegawai Pengawal boleh **meluluskan** sehingga ke amaun **RM1,000.00** sahaja. Bagi kelulusan amaun yang selebihnya, mestilah mendapat kelulusan YB. Pegawai Kewangan Negeri.
- 5.2 Majlis Perbandaran, Majlis Daerah dan Badan Berkanun Negeri **diminta mewujudkan kod objek 51000 dan memperuntukkan amaun yang sesuai** untuk tujuan pulang balik dan hapuskira. Kerja-kerja pelarasan akaun perlu dilakukan oleh pihak tuan / puan setelah mendapat kelulusan pulangan balik dan hapuskira daripada YB. Pegawai Kewangan Negeri atau Pegawai Pengawal tertakluk kepada amaun seperti yang dinyatakan di para 5.1 di atas.

6. Sehubungan itu, Surat Pekeliling jabatan ini Bil. P.Kw.N/NS(334) 600/4 Klt.4(22) bertarih 9 Ogos 2006 adalah dibatalkan.

7. Kerjasama tuan / puan untuk mematuhi arahan ini sangatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

**\*AMANAH DAN PRODUKTIF\***

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HAJI NORZAM BIN MOHD NOR)**

s.k. Fail Edar